



# MINGGU KELIMA BELAS

TAWAF WADA' DAN ZIARAH MADINAH

15

Bahagian Bimbingan  
Lembaga Tabung Haji

# TALBIAH

## Lafaz & Makna

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ

همبامو داتغ مياهورت فثكيلنمو، يالله، همبامو داتغ مياهورت فثكيلنمو.

لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ

همبامو داتغ مياهورت فثكيلنمو، تيدق اد سكوٲو باٲيمو، همبامو داتغ مياهورت فثكيلنمو.

إِنَّ الْحَمْدَ

سسٲكوهن سكل فوجين.

وَالنَّعْمَةَ

دان نعمت.

لَكَ وَالْمُلْكَ

دان فمرنتاهن اداله كفوٲيأتمو.

لَا شَرِيكَ لَكَ

تيدق اد سكوٲو باٲيمو.






# TAWAF WADA

Tawaf Selamat Tinggal

# TAWAF WADA' DAN HUKUMNYA

TAWAF WADA' IALAH TAWAF SELAMAT TINGGAL KERANA MEMULIAKAN DAN MENGHORMATI BAITULLAH (KAABAH) BAGI ORANG YANG HENDAK MENINGGALKAN MAKKAH YANG JAUHNYA 2 MARHALAH (91KM) ATAU LEBIH





## TAWAF WADA'

**Tawaf Selamat Tinggal wajib dilakukan bagi mereka yang hendak meninggalkan Makkah jarak *2 marhalah* (91 kilometer) atau lebih.**

# Hukum Tawaf Wada' Wajib Bagi:

1

Orang yang bermusafir meninggalkan Makkah pada jarak yang mengharuskannya mengqasarkan solat iaitu kadar 2 marhalah.

2

Orang yang meninggalkan Makkah dan akan bermukim di luar Tanah Haram selama 4 atau lebih walaupun jaraknya kurang dari 2 marhalah sama ada penduduk Makkah atau pun bukan.

3

Orang yang meninggalkan Tawaf Wada' tanpa uzur yang dibenarkan syara' dikenakan dam (Tertib dan Taqdir).

# UZUR SYARI'E DARIPADA TAWAF WADA'

1

Perempuan haid, nifas atau mustahadhah di dalam tempoh haid.

2

Penyakit salasilbawl (kencing tidak lawas).

3

Luka, nanah, darah yang boleh menajiskan masjid.

4

Orang yang dipaksa meninggalkan tawaf

5

Takut dizalimi.

6

Takut ditinggalkan rakan seperjalanan

7

Bimbangankan keselamatan diri dan hartanya

8

Tidak punyai air atau debu atau tanah untuk bersuci .

# PERSIAPAN SEBELUM TAWAF WADA'

1

Dapatkan maklumat penerbangan pulang dari Pejabat Maktab (bagi yang akan pulang ke Malaysia atau ke Madinah)

2

Persiapan dan kemaskini semua barang keperluan (jika berhajat hendak belikan barangan belilah sebelum melakukan Tawaf Wada')

3

Beg bagasi di bawa ke lobi untuk urusan angkut ke bas oleh muassasah (ikut jadual yang dikeluarkan oleh Pejabat Maktab)

4

Berwuduk dan pergi Tawaf Wada' dalam tempoh 5 atau 4 jam sebelum bertolak meninggalkan Makkah (ikut jadual dan arahan yang dikeluarkan oleh Pejabat Maktab)

5

Tidak perlu memakai pakaian ihram

6

Tidak perlu keluar ke miqat



# PERSIAPAN SEBELUM TAWAF WADA'

Sebelum Tawaf disyaratkan melafazkan niat berikut :-

*"Ya Allah aku hendak tawaf Baitullah al Haram tujuh keliling **Tawaf Wada'** maka permudahkanlah bagiku dan terimalah daripadaku kerana Allah Ta'ala"*

# PERLAKSANAAN TAWAF WADA'

## **PENTING**

Tidak boleh dilakukan kecuali setelah sempurna melakukan Tawaf Rukun (Rukun Umrah @Rukun Haji).

Hendaklah bersegera meninggalkan Makkah kecuali kerana perkara berkaitan solat atau perjalanan.

# PERKARA YANG **BOLEH** DILAKUKAN KETIKA DALAM MASJIDIL HARAM SELEPAS TAWAF WADA'

1 Menunaikan Solat Sunat Tawaf

2 Mengucup Hajarul Aswad (jika berkemampuan)

3 Memegang Kaabah/Hijr Ismail/Maqam Ibrahim

4 Minum Air Zamzam

5 Berdoa

6 Menunaikan solat sekiranya muazzin telah melaungkan iqamat (bagi kes orang bersesak sehingga tidak dapat keluar dari Masjidil Haram atau sebaik selesai Tawaf Wada')

7 Makan dan minum dalam bilik sekadar keperluan sahaja

# PERKARA YANG **BOLEH** DILAKUKAN KETIKA DALAM MASJIDIL HARAM SELEPAS TAWAF WADA'

8

Buang air kecil/besar dalam tandas bilik bangunan penginapan

9

Melakukan perkara yang tiada hubungan langsung dengan musafir tetapi wajib dilakukan kerana hajat dan keperluan masalah khusus/umum seperti mencari suami/isteri/keluarga/teman yang hilang atau barang yang hilang dan ziarah pesakit (kes kecemasan sahaja)

10

Menunggu bas (walau bagaimanapun 'uruf dalam lingkungan 4-5 jam selepas Tawaf Wada')

11

Mandi dan menukar pakaian

12

Mengambil gambar atau bersedekah **dalam tempoh menunggu bas**

# PERKARA YANG **TIDAK BOLEH** DILAKUKAN SETELAH TAWAF WADA'

Berehat, bersantai dan tidur dalam bilik

Membayar hutang yang boleh ditangguhkan

Bersedekah semasa dalam Masjidil Haram atau dalam perjalanan balik ke Bangunan Penginapan (jika bersedekah sambil berjalan tidak *tercari-cari-mukthun* maka tidak batal)

Tunai solat-solat sunat seperti Hajat, Taubat dan sebagainya (sila tunaikan sebelum Tawaf Wada')



# PERKARA YANG **TIDAK BOLEH** DILAKUKAN SETELAH TAWAF WADA'

Membeli barangan yang tiada kaitan dengan keperluan perjalanan seperti tasbih, minyak wangi, cincin, kain tudung, makanan burung dan sebagainya walaupun dengan nilai SR1.

Berlengah-lengah di dalam Masjidil Haram sehingga menyebabkan perjalanan jemaah haji lain terganggu kerana menunggu kepulangan jemaah tersebut.



# PERKARA YANG **TIDAK BOLEH** DILAKUKAN SETELAH TAWAF WADA'

Mengambil gambar atau meminta pertolongan orang lain untuk mengambil gambar atau membantu mengambil gambar di dalam Masjidil Haram atau semasa dalam perjalanan pulang ke Bangunan Penginapan (hendaklah mengambil gambar dalam Masjidil Haram lebih awal iaitu sebelum Tawaf Wada' atau hari sebelumnya jika mahu).



**BAGAIMANAKAH KEDUDUKAN TAWAF WADA' SEKIRANYA  
JEMAAH HAJI MEWAKILKAN KEPADA ORANG LAIN UNTUK  
MEMBELI BARANG YANG BUKAN KEPERLUAN  
PERJALANANNYA**


**Kedudukan adalah seperti berikut:**

- 1- Pembelian yang dilakukan oleh orang yang diwakilkan sedangkan jemaah belum lagi melaksanakan Tawaf Wada'nya, maka tidak batal Tawaf Wada'nya
- 2- Pembelian yang dilakukan selepas Tawaf Wada' tetapi jemaah telah bergerak ke destinasi maka tidak batal Tawaf Wada'
- 3- Pembelian dilakukan selepas Tawaf Wada' dan dibeli ketika mana jemaah masih berada di bangunan penginapan maka batal Tawaf Wada'nya




**ZIARAH**

**MADINAH**



**LOKASI BANGUNAN  
PENGINAPAN JEMAAH  
HAJI (BPJH) MADINAH  
1432H**



**IBU PEJABAT  
TH MADINAH**

# ZIARAH MADINAH



**GALAKAN DAN KELEBIHAN MENZIARAHI MADINAH**

***PAHALA SOLAT DI MASJIDKU INI ADALAH SERIBU KALI LEBIH BAIK  
DARIPADA SOLAT DI MASJID-MASJID LAIN KECUALI  
DI MASJID HARAM***

**HADITH RIWAYAT BUKHARI DAN MUSLIM**

# **OBJEKTIF ZIARAH MADINAH**

***Memberi Kefahaman Kepentingan Ziarah Madinah, Menghayati Sirah Perjuangan Rasul S.A.W Dan Sahabat Serta Membina Kecintaan Kepada Nabi Dan Sahabat***

***Sebagai Tanda Terima Kasih Dan Penghargaan Yang Amat Tinggi Terhadap Kesusahan Dan Pengorbanan Yang Dibuktikan Oleh Rasul S.A.W Dan Para Sahabat Mengembangkan Islam Bermula Di Madinah Sehingga Kita Dapat Menikmati Nikmat Islam Dan Iman***

***Beramal Dengan Syariat Yang Dibawa Oleh Baginda SAW Dan Tingkatkan Ketqawaan Dan Keimanan Kepada Allah S.W.T***



## KELEBIHAN BERSOLAT DI MASJID NABAWI:

(صَلَاةٌ فِي مَسْجِدِي هَذَا أَفْضَلُ مِنْ أَلْفِ صَلَاةٍ فِيْمَا سِوَاهُ  
إِلَّا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ) رواه البخاري ومسلم.

**Maksudnya:** “Pahala sembahyang di Masjidku ini adalah seribu (1,000) kali lebih baik daripada sembahyang di masjid lain kecuali di Masjidil Haram”.

Jumhur Ulama’ berpendapat: Semua bangunan tambahan selepas zaman Rasulullah S.A.W adalah termasuk dalam “Masjidku”. Ini bermakna sesiapa yang bersolat di mana-mana bahagian tersebut tetap akan mendapat ganjaran pahala seribu kali ganda.



## AMARAN ATAU ANCAMAN MELAKUKAN KEZALIMAN ATAU MAKSIAT DI MADINAH:

عن علي بن أبي طالب رضي الله عنه قال: قال النبي ﷺ: (( الْمَدِينَةُ حَرَمٌ مَا بَيْنَ عَيْرٍ إِلَى ثَوْرٍ، فَمَنْ أَحْدَثَ فِيهَا حَدَثًا، أَوْ آوَى مُحْدِثًا، فَعَلَيْهِ لَعْنَةُ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ، لَا يُقْبَلُ مِنْهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ صَرْفٌ وَلَا عَدْلٌ )) .  
رواد البخاري ومسلم.

**Maksudnya:** "Madinah adalah tanah haram. Letaknya di antara Bukit E'ir dan Bukit Thur. Sesiapa yang melakukan kezaliman (maksiat) atau melindungi orang yang melakukan kezaliman (maksiat) di dalamnya, maka atasnya laknat Allah, malaikat dan manusia seluruhnya sertasemua amalan baiknya, sama ada yang wajib atau sunat tidak diterima oleh Allah S.W.T daripadanya pada Hari Kiamat".



## KELEBIHAN MATI DI MADINAH:

(مَنْ اسْتَطَاعَ أَنْ يَمُوتَ بِالْمَدِينَةِ فَلْيَفْعَلْ، فَإِنِّي أَشْفَعُ لِمَنْ مَاتَ بِهَا)  
رواه أحمد والترمذي وابن ماجه وصححه أحمد شاكر والألباني.

**Maksudnya:** "Sesiapa yang mampu untuk mati/meninggal di Madinah hendaklah dilakukannya, sesungguhnya aku akan memberi syafaat kepada mereka yang mati/meninggal di Madinah".



## KELEBIHAN BERSABAR MENANGGUNG KESUSAHAN YANG DIHADAPI DI MADINAH:

(لَا يَصْبِرُ عَلَيَّ لِأَوَاءِ الْمَدِينَةِ وَشِدَّتِهَا أَحَدٌ مِنْ أُمَّتِي إِلَّا كُنْتُ لَهُ شَفِيعًا  
يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَوْ شَهِيدًا) رواه مسلم.

**Maksudnya:** Mana-mana individu / umatku yang bersabar menanggung kesusahan dan kepayahan di Madinah, akan aku beri syafaat kepadanya pada Hari Kiamat, atau aku menjadi saksi kepadanya”.



# ZIARAH MADINAH

HUKUMNYA SUNAT

## ZIARAH MASJID NABAWI

Masjid Nabawi

MAQAM Rasulullah

MAQAM 2 Sahabat

Rawdah

Perkuburan Al-baqi'

## ZIARAH TEMPAT SEJARAH

Masjid Quba'

MASJID QIBLATAIN

Syuhada' Uhud

Masjid Tujuh

Masjid-masjid Lain

## KELEBIHANNYA

1. Sembahyang Di Masjid Nabawi ( Di Dalam Masjid) Mendapat Gandaan Pahala 1,000 Kali Ganda. Tidak Termasuk Laman Masjid Nabawi Tiada Solat Sunat Tahayyat Masjid Dan Niat Iktikaf Di Laman Masjid Nabawi
2. Melihat Kesan Sejarah Rasulullah Dan Sahabat -Sahabatnya Yang Boleh Meningkatkan Keimanan Dan Ketaqwaan.



PINTU BABUSSALAM


**MUZZAWIR MASJID NABAWI AKAN MEMBIMBING  
JEMAAH HAJI ZIARAH NABAWI**

# LALUAN JEMAAH HAJI WANITA DALAM MASJID NABAWI

## LALUAN KE RAUDHAH DALAM MASJID NABAWI BAGI JH WANITA

MASA :

- 7.00 pagi – 11.00 pagi
- 1 jam selepas waktu zohor
- 8.30 malam – 12.00 malam



Disediakan oleh :  
Unit Bimbingan & Ziarah  
Operasi TH Madinah 1432H




# ZIARAH RAUDHAH



**KAWASAN RAUDHAH**


# ZIARAH RAUDHAH



**TEMPAT ZIARAH JEMAAH HAJI LELAKI**

**LAGENDA**

- ★ ARAH KEPALA
- ★★ TERTAKLUK KEPADA PINDAAN
- KAWASAN RAUDAH UNTUK JEMAAH HAJI WANITA




**WAKTU ZIARAH LELAKI**

|                              |
|------------------------------|
| SEPANJANG MASA MASJID DIBUKA |
|------------------------------|

**★★ WAKTU ZIARAH WANITA**

| HARI          | PAGI       | PETANG    |
|---------------|------------|-----------|
| JUMAAAT       | 7.00-10.00 | 2.00-3.00 |
| SABTU         | 7.00-11.00 | 1.30-3.00 |
| HINGGA KHAMIS |            |           |

# ZIARAH MAQAM RASULULLAH S.A.W



KEDUDUKAN MAQAM RASULULLAH

باب السلام

# ZIARAH

MAQAM  
RASULULLAH  
S.A.W



# ZIARAH MAQAM RASULULLUH S.A.W

MAQAM  
RASULULLUH S.A.W


MAQAM  
SY. ABU BAKAR

MAQAM  
SY. OMAR

**MAQAM RASULULLAH SAW DAN DUA  
SAHABAT BAGINDA**



# MAQAM RASULULLAH S.A.W



السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ الْكَرِيمُ ُ وَالرَّسُولُ الْعَظِيمُ وَالرَّءُوفُ الرَّحِيمُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
، السلامُ عَلَيْكَ يَا نَبِيَّ اللَّهِ، السلامُ عَلَيْكَ يَا صَفْوَةَ خَلْقِ اللَّهِ، السلامُ عَلَيْكَ يَا حَبِيبَ  
اللَّهِ ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَنَّكَ عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّكَ  
بَلَغْتَ الرِّسَالَةَ وَأَدَيْتَ الْأَمَانَةَ وَنَصَحْتَ الْأُمَّةَ وَجَاهَدْتَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، فَصَلَّى عَلَيْكَ  
اللَّهُ صَلَاةً دَائِمَةً إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، اللَّهُمَّ آتِهِ الْفَضِيلَةَ وَالدَّرَجَةَ الرَّفِيعَةَ وَابْعَثْهُ مَقَاماً  
مَحْمُوداً الَّذِي وَعَدْتَهُ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ .

# MAQAM ABU BAKAR



اَلسَّلَامُ عَلَیْكَ يَا خَلِیْفَةَ رَسُوْلِ اللهِ، السَّلَامُ عَلَیْكَ يَا صَاحِبَ رَسُوْلِ اللهِ  
فِي الْغَارِ، السَّلَامُ عَلَیْكَ يَا اَمِیْنَهُ عَلٰی الْاَسْرَارِ، جِزَاكَ اللهُ عَنَا اَفْضَلَ  
مَا جِزَى بِهِ اِمَامًا عَنْ اُمَّةٍ نَبِیِّهِ، فَلَقَدْ خَلَفْتَهُ اَحْسَنَ الْخُلَفَیِّ، وَسَلَكْتَ  
طَرِیْقَهُ وَمِنْهَا جَهُّ خَيْرِ سُلُوْكِ، وَنَصَرْتَ الْاِسْلَامَ، وَوَصَلْتَ الْاَرْحَامَ وَلَمْ تَنْزَلْ  
قَائِمًا بِالْحَقِّ حَتٰى اَتَاكَ الْیَقِیْنَ، وَالسَّلَامُ عَلَیْكَ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

# MAQAM UMAR AL-KHATTAB



السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا مُظْهَرَ الْإِسْلَامِ ، السلام عليك يا فاروق، السلام  
عليك يا من نَطَقَ بِالصَّوَابِ، كفلت الايتام، وَوَصَلْتَ الْارْحَامَ، وَقَوَى بِكَ  
الاسلام، السلام عليك ورحمة الله وَبَرَكَاتُهُ

# ZIARAH BAQI'



**PERKUBURAN AL-BAQI'**

# KAWASAN DALAM PERKUBURAN BAQI



# ZIARAH TEMPAT SEJARAH



**MASJID QUBA'**

## DESTINASI 1-MASJID QUBA'

- Terletak di perkampungan Quba' kira-kira 3 km dari arah Selatan Bandar Madinah. Keluasannya sekarang 5035 m persegi.
- Masjid yang pertama dibina dalam sejarah Islam berdasarkan Firman Allah S.W.T

*"Sesungguhnya Masjid yang didirikan atas dasar takwa sejak hari pertama adalah lebih patut kamu bersolat di dalamnya ..." (Surat Al Taubah ayat 108).*

- Imam Bukhari meriwayatkan daripada Ibnu Umar bahawa Rasulullah S.A.W selalu pergi ke Masjid Quba' pada hari Sabtu sama ada dengan menaiki unta atau berjalan kaki. Adakalanya baginda pergi pada hari Isnin dan Khamis.
- Rasulullah S.A.W juga bersabda :

*"Sesiapa yang berwuduk di rumahnya , kemudian pergi ke Masjid Quba' untuk bersolat , akan diberi ganjaran pahala seperti pahala menunaikan Umrah"*

*( Riwayat Ibnu Majah)*

## **SEJARAH PEMBINAAN MASJID QUBA**

**Pada hari Isnin 8 Rabiul Awal bersamaan 23 Sept 622 M, Rasulullah S.A.W tiba di perkampungan Quba' dalam perjalanan Hijrah dari Makkah, Baginda tinggal di sana selama 4 hari bersama Bani 'Amru bin Auf di rumah Kalthum bin Al- Hadm.**

**Pada hari pertama itulah Rasulullah S.A.W terus membina Masjid Quba', iaitu Masjid yang pertama dibina dalam sejarah umat ini. Rasulullah S.A.W sendiri turut serta dalam pembinaan itu dengan mengangkut batu-bata dan pasir bersama sahabat.**

**Asy-Syimus binti An Nu'man menceritakan :**

**"Aku melihat Rasulullah S.A.W ketika membina masjid ini. Baginda memikul batu-bata di atas belakangnya sehingga bongkok tubuhnya. Debu-debu dan pasir penuh ditubuh dan bajunya. Apabila seorang sahabat meminta mengambil bebanan itu daripadanya, Baginda tidak membenarkannya, sebaliknya menyuruh mereka membawa bebanan lain sepertinya"**  
**Diriwayatkan oleh At-Tabrani.**

**Setelah itu Rasulullah S.A.W mengimami solat berjemaah secara terbuka bersama para sahabat di masjid Quba', berkiblatkan Masjid Al-Aqsa pada waktu itu.**



# **ZIARAH TEMPAT SEJARAH**



**MASJID QIBLATAIN**

## LOKASI MASJID QIBLATIN

TERLETAK DI TENGAH-TENGAH PERKAMPUNGAN BANI SALAMAH IAITU DI BAHAGIAN BARAT DAYA MADINAH. PERINTAH ALLAH S.W.T KEPADA RASULLULLAH S.A.W AGAR MENUKAR KIBLAT SOLAT DARIPADA BAITULMUQADIS DI PALESTIN KE ARAH KAABAH DI MASJIDIL HARAM.

“ Sesungguhnya kami melihat muka kamu sering mendongak ke langit, maka benar-benar kami akan memalingkan kamu ke kiblat yang kamu sukai. Palingkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram . Dan di mana saja kamu berada palingkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberi Al-Kitab (Taurat dan Injil) memang mengetahui bahawa berpaling ke Masjidil Haram itu adalah kebenaran dari Tuhan mereka dan Allah S.W.T sekali-kali tidak lengah daripada apa yang mereka kerjakan “.


*(Surah Al Baqarah : Ayat 144)*

# ZIARAH TEMPAT SEJARAH



**SEBAHAGIAN MASJID TUJUH**

# ZIARAH TEMPAT SEJARAH



**JABAL (BUKIT) UHUD DAN PERKUBURAN SYUHADA  
SEMASA PEPERANGAN UHUD**

# ZIARAH TEMPAT SEJARAH



**JABAL AL-RUMAH**

# ZIARAH PASAR



**PASAR TAMAR**

# WASSALAM

*Semoga semua bakal jemaah haji yang dikasihi diberikan oleh Allah S.W.T kesabaran dan ketenangan serta didoakan mendapat sebaik-baik ganjaran*

**HAJI YANG MABRUR  
DAN UMRAH YANG  
MAQBUL**

